



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Pemegang Aamanah Raya (Pindaan) 1980

DR.20/1980

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Ordinan Pemegang Amanah Raya 1950.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pemegang Amanah Raya (Pindaan) 1980.

Tajuk ringkas.

2. Seksyen 12 Ordinan Pemegang Amanah Raya 1950, yang dalam Akta ini disebut "Ordinan itu", adalah dipinda—

Pindaan bagi seksyen 12. 61/50.

(a) dengan memotong perkataan-perkataan "or rates" dalam seksyen-seksyen-kecil (1) dan (2);

(b) dengan menggantikan seksyen-kecil (3) dengan yang berikut:

"(3) A rate may be prescribed for payment on capital moneys which are not payable at call."

3. Seksyen 14 Ordinan itu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "or rates" dalam seksyen-kecil (3).

Pindaan bagi seksyen 14.

Pindaan
bagi
seksyen 22.

4. Seksyen 22 Ordinan itu adalah dipinda dengan memasukkan perkataan-perkataan "not exceeding two thousand ringgit" selepas perkataan "fine" dalam seksyen-kecil (10).

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membuat pindaan-pindaan kepada Ordinan Pemegang Amanah Raya 1950.

2. *Fasal-fasal 2 dan 3* Rang Undang-undang bertujuan untuk menetapkan satu kadar faedah yang kena dibayar ke atas wang harta pesaka dan amanah yang menjadi Kumpulanwang Umum. Perbezaan di antara kadar-kadar faedah yang berlainan yang kena dibayar ke atas wang panggilan dan wang bukan panggilan adalah dihapuskan. Faedah akan hanya dibayar ke atas wang bukan panggilan iaitu wang yang dipegang lebih daripada satu bulan dalam Kumpulanwang Umum.

3. *Fasal 4* Rang Undang-undang menetapkan denda maksimum sebanyak dua ribu ringgit yang boleh dikenakan ke atas seseorang yang membuat pernyataan palsu berkaitan dengan penyiasatan dan audit kira-kira amanah.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan. [PN. (U²) 958.]